

## Transformasi dan Pembangunan Luar Bandar: Kesan Ke Atas Penduduk dan Persekutaran

HARYATI SHAFII & NURASYIKIN MISKAM

### ABSTRAK

*Transformasi pembangunan yang berlaku di pekan kecil pada asasnya menunjukkan pencapaian positif dalam pelbagai sudut mencakupi perkembangan ekonomi, perindustrian, prasarana dan perumahan. Namun, turut memberi kesan kepada persekitaran fizikal. Kesan daripada keadaan itu turut membawa ke arah kemerosotan serta memberi tekanan yang kuat terhadap kesejahteraan hidup masyarakat setempat. Makalah ini mengutarakan transformasi yang berlaku di Pekan Parit Raja telah menunjukkan perubahan dari segi pendapatan, pemilikan harta dan kenderaan, pemilikan peralatan moden serta perubahan gaya hidup masyarakat. Kesan daripada pertambahan penduduk dan rebakan pembangunan telah memberi kesan positif dan negatif kepada masyarakat. Sudut positif yang dilihat apabila jumlah pendapatan penduduk semakin meningkat iaitu hampir sekali ganda berbanding 20 tahun dahulu dengan majoriti responden (53.8%). Pemilikan sesetengah kemudahan dan peralatan rumah menggambarkan kemampuan kuasa membeli responden. Hasil analisis kajian menunjukkan paling tinggi responden memiliki telefon bimbit adalah sebanyak 66.7%, komputer 39.3% dan melanggan internet 25.6%. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan kualiti persekitaran dan kesihatan masyarakat menunjukkan kesan negatif. Kajian ini, menunjukkan transformasi telah membawa kesan positif dan negatif dalam aspek ekonomi, sosial serta persekitaran dan akhirnya menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat.*

Kata kunci: transformasi, Pekan Parit Raja, luar bandar, kesejahteraan

### ABSTRACT

*Transformation of small town shows positive achievements from several aspects such as economic development, industrial, infrastructure and housing. However, it also affects the physical environment. The effects of these events eventually lead to the downfall of the community's well-being. This paper presented about transformation in Pekan Parit Raja shows the changing in part of income, property and car ownership, property in term of modern equipment and changed life style of the community. Population and development added toward a positive and negative impact to community. Impact positive is income added by one total compare 20 year ago with majority respondent (53.8%). Property in term of facilities and house equipment shows buying power of respondent. The analysis study shows that the higher respondent has a hand phone 66.7%, computer 39.3%, and internet 25.6%. However the study shows environmental quality and society health are negative impact. From this study, shows that transformation carry out with positive and negative impact in economic, social and environmental aspect and lastly contributed to well-being and quality of life community.*

Key words: transformation, Pekan Parit Raja, rural area, well-being

### PENGENALAN

Di Malaysia, transformasi seringkali dikaitkan dengan pembangunan akibat daripada pertumbuhan ekonomi. Transformasi melalui pertumbuhan ekonomi dianggap sebagai satu ‘penawar’ daripada terus terperangkap dengan masalah kemiskinan terutamanya di kawasan luar bandar. Melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) misalnya, kerajaan telah berusaha membawa pembangunan ke kawasan luar bandar bertujuan menggalakkan kemajuan di sesuatu kawasan dan menyaksikan proses perbandaran luar bandar itu bermula. Usaha ini

dilakukan untuk mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran dan penghijrahan penduduk desa ke bandar. Usaha gigih kementerian mengubah keadaan luar bandar yang dilabel sebagai mundur, dibelenggu pengangguran dan kemiskinan menerusi penyusunan semula masyarakat diteruskan dengan Dasar Pembangunan Nasional. Kesannya, pandangan negatif terhadap kawasan luar bandar perlahan-lahan dapat dihapuskan (Mohamed Zaini Omar 2010). Jika ditinjau keadaan sebelum ini, pembangunan luar bandar lebih tertumpu dan bersifat tradisional yang meliputi pembangunan sektor tani (Yahaya Ibrahim 2002). Walau bagaimanapun,

merujuk konteks pembangunan pada hari ini, fokus pembangunan adalah cenderung kepada usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat di luar bandar.

Meskipun transformasi dilihat sebagai membawa perubahan positif tetapi dalam masa yang sama, kadangkala ianya memberi implikasi sebaliknya kepada sesebuah pembangunan. Keadaan ini berlaku akibat ketidaktepatan perancangan ataupun kurangnya persediaan penduduk tempatan dalam proses menerima perubahan akibat daripada pembangunan. Oleh itu, sesebuah masyarakat itu perlu bersedia mengalami proses perubahan yang bakal diterima kerana kadangkala kemajuan ekonomi melebihi kemampuan persekitaran fizikal untuk mengekalkan kelestariannya.

### PERKEMBANGAN KONSEP PEMBANGUNAN DAN TRANSFORMASI DI LUAR BANDAR

Dalam menentukan arah pembangunan dan pertumbuhan fizikal, strategi penyebaran pertumbuhan menjadi asas perancangan dalam pembangunan. Perkembangan teori ini adalah bermula dari aspek ekonomi kepada ruang geografi telah menimbulkan satu pusat pertumbuhan yang membawa perebakan kepada kawasan sekitar. Menurut Darwent (1969), konsep ini telah diperkenalkan oleh Perroux pada tahun 1949 yang mengemukakan teori kutub pertumbuhan dengan istilah *growth pole* sebagai satu pusat di dalam ruang ekonomi serta mempunyai daya pertumbuhan dan tarikan. Beliau percaya sektor industri menjadi perangsang pertumbuhan ekonomi sesuatu kawasan untuk memajukan kawasan yang mundur.

Namun, kesesuaian teori ini telah diubahsuai menjadi teori pusat pertumbuhan oleh Boudeville (1966), yang percaya bahawa kelompok aktiviti ekonomi muncul akibat tarikan ekonomi luaran di sesuatu wilayah. Maknanya disini, adalah pengaruh dari sektor industri yang dihasilkan oleh pusat-pusat pertumbuhan tersebut terhadap pertumbuhan ekonomi dapat meningkatkan jalinan ekonomi yang sudah ada di suatu kawasan tersebut. Keduanya, kemampuan pengeluaran yang ada di kawasan itu semakin meningkat justeru mampu menarik lebih banyak lagi industri-industri baru untuk terus berkembang secara lestari di kawasan sekitar. Gabungan teori yang menggunakan industri sebagai perangsang pertumbuhan sesuatu kawasan ini

digunakan secara meluas sebagai antara satu daripada strategi pembangunan, termasuklah di Malaysia. Katiman Rostam et al. (2006), menjelaskan strategi pusat pertumbuhan di Koridor Kemaman-Dungun adalah manfaat dari penggunaan idea tersebut.

Akibat dari pembangunan pusat-pusat pertumbuhan ini sebenarnya telah berjaya mengatasi masalah pertumbuhan di sesuatu kawasan tersebut. Ini memberi maksud hasil kebijakan pembangunan pusat pertumbuhan tersebut telah berjaya mengatasi masalah perkembangan ekonomi terutamanya bagi kawasan luar bandar. Richardson (1973), berpendapat pendekatan pembangunan kawasan luar bandar ini secara langsungnya mewujudkan suatu keadaan menarik yang pastinya mampu mengurangi minat penduduk untuk meninggalkan kampung halaman. Tarikan yang memusat di kawasan luar bandar mampu mencipta transformasi yang positif ini akhirnya turut mengecilkan jurang pembangunan dengan kawasan bandar. Di Malaysia, ahli geografi dan sosiologi seperti Katiman Rostam (2001), Abdul Samad Hadi et al. (2006) dan Yahaya Ibrahim (2009), telah menunjukkan kesan status perkembangan bagi kawasan luar bandar.

Transformasi pembangunan luar bandar memberi tumpuan kepada mengubah kawasan luar bandar menjadi lebih baik untuk pelaburan serta tempat kediaman yang menarik dengan menikmati semua kemudahan asas infrastruktur dan perkhidmatan sosial yang berkualiti. Pendekatan ini menekankan selain terdapat ruang yang berkembang sekurang-kurangnya perlu mempunyai barang dan perkhidmatan asas secara cekap bagi membantu memajukan penduduk luar bandar yang tinggal di sekitarnya (Rondinelli & Ruddle 1978). Dalam konteks pembangunan kawasan luar bandar, transformasi yang dilihat dari segi corak kawasan luar bandar beralih kepada persekitaran bandar yang lebih maju serta lebih ramai penduduknya.

Apa yang sering ditekankan adalah keperluan pembangunan untuk kesejahteraan manusia dan pentingnya mengekalkan integriti alam sekitar merupakan satu tuntutan yang selari dan perlu dilakukan secara bersama. Dalam proses transformasi yang berlaku, masyarakatnya perlu mempunyai daya ketahanan yang tinggi dalam aspek sosial, ekonomi dan politik supaya mereka dapat membangun selari dengan perubahan persekitaran semasa. Transformasi pembangunan yang berlaku pastinya memberi implikasi kepada perubahan manusia yang bersifat kualiti dan kuantiti dalam

kehidupan. Jika ditinjau dengan lebih mendalam, keperluan kesejahteraan manusia perlu disokong oleh usaha mengekalkan kesihatan alam sekitar.

### TRANSFORMASI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN KESEJAHTERAAN HIDUP MASYARAKAT

Menurut Midgley (1995), pembangunan sosial adalah satu proses perubahan sosial yang dibentuk untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat dalam keseluruhan proses pembangunan yang dinamik. Berdasarkan penjelasan tersebut, ternyata proses pembangunan dan hubungannya dengan keperluan kesejahteraan hidup masyarakat menjelaskan kepentingan bagi sesebuah negara membangun. Maka, aspek transformasi pembangunan luar bandar ini amat penting dilihat kerana proses yang terlibat mempunyai pengaruh yang besar dan ketara kepada kualiti hidup masyarakat dan negara. Keadaan ini sebenarnya dilihat telah memberi kesan sejak berabad-abad dahulu lagi dan tentunya sehingga ke hari ini.

Sebagai contoh, Fatimah Daud (2005), menjelaskan negara-negara Eropah telah mengalami transformasi dalam pelbagai bentuk yang dimulai dengan zaman revolusi industri yang bermula akhir abad ke-18. Hasil transformasi *industrialisme*, bentuk ekonominya telah berubah dari pertanian kepada pembuatan yang menghasilkan pelbagai teknologi baharu yang lebih produktif. Masyarakatnya pula membentuk pembahagian buruh berdasarkan pengkhususan pekerjaan mengikut kemahiran dan kepakaran tertentu. Pembangunan luar bandar pada asasnya telah membawa perubahan yang positif kepada kumpulan masyarakat dalam komuniti luar bandar (Buller & Wright 1990). Dalam mentafsir kesan transformasi pembangunan kepada kualiti hidup sesebuah negara, Yahaya Ibrahim (2009), bersetuju bahawa kewujudan aliran-aliran ekonomi telah mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan mampu mengatasi masalah kemiskinan seterusnya mengurangkan penghijrahan dari desa ke bandar.

Dari kajian Huang Ping dan Zhan Shaohua (2009), pembangunan luar bandar di China telah berjaya meningkatkan pendapatan isi rumah penduduknya. Hasilnya, transformasi tersebut telah membawa penduduk luar bandar kepada memulakan perusahaan persendirian sejak tahun 1980-an lagi yang dikenali sebagai *Township and Village Enterprise* (TVEs). Pada tahun 1990, perusahaan

tersebut telah mampu menyerap kira-kira 92.7 juta buruh yang terdapat di luar bandar malahan meningkat sehingga 135.1 juta menjelang tahun 1996. Dengan kaedah ini, penghijrahan buruh ke bandar dapat dikurangkan. Segupta et al. (2007), pula merumuskan kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk setempat di India semakin meningkat dengan pembangunan sistem pengangkutan jalan raya yang baik. Secara ringkasnya, pembangunan sistem pengangkutan ini mampu memudahkan pergerakan masyarakat atau memasarkan barang untuk meningkatkan pendapatan dan mengubah taraf sosioekonomi.

Keadaan ini jelas bersesuaian dengan Azahan et al. (2008), di mana individu di bandar itu sendiri memainkan peranan yang penting mencorak dan menerima persekitaran bandar berdasarkan *negotiated meaning* untuk membentuk kualiti hidupnya yang tersendiri. Ini memberi makna bahawa manusia akan melakukan pelbagai penyesuaian terhadap persekitaran supaya persekitaran bandar yang wujud selari dengan naluri manusia.

### PEKAN PARIT RAJA: PENTAS TRANSFORMASI DAN PEMBANGUNAN

Pekan Parit Raja merupakan pekan kecil, telah mengalami pembangunan yang pesat berdasarkan lokasinya begitu strategik, pembangunan yang telah berlaku sejak 20 tahun dahulu dan perancangan pembangunan di masa akan datang. Pekan Parit Raja terletak di bawah pentadbiran kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) pada asalnya ianya merupakan kawasan perkampungan Melayu tradisional yang tidak terancang.

Sebagai kawasan yang agak baru mengalami perubahan sudah tentu ianya menjadi pemangkin pembangunan ekonomi kepada kawasan sekitarnya khususnya orang Melayu yang sebelum ini terpinggir daripada arus kemajuan perdana. Perkembangan pekan kecil ini berlaku sejak dari tahun 1960-an yang pada awalnya kegiatan penduduk lebih kepada kegiatan pertanian dan penternakan secara kecil-kecilan hanya untuk keperluan sehari-hari (Jabatan Pertanian Johor 1988). Pada tahun 1980, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) telah membangunkan tiga kawasan perindustrian di daerah ini di mana Parit Raja adalah salah satu kawasan yang terlibat (Katiman Rostam 2001). Tambahan pula, kawasan perindustrian Parit Raja turut dicadangkan untuk dijadikan sebagai kluster elektrik dan elektronik (MPBP 2004).

Perkembangan yang memberangsangkan di Parit Raja turut disumbangkan oleh kewujudan beberapa institusi pendidikan terutamanya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) selepas berlaku beberapa proses perjenamaan semula akibat peningkatan status pendidikan (Nurasyikin Miskam 2013) serta Kolej Kejururawatan Batu Pahat dan Kolej Kemahiran Tinggi Mara Sri Gading. Ini menunjukkan kebergantungan perkembangan ekonomi di Pekan Parit Raja tidaklah semata-mata akibat wujudnya UTHM. Namun, kewujudan institusi ini memberi petunjuk kepada pertambahan demografi di Pekan Parit Raja sekaligus mempamerkan kekuahan ekonomi di bandar kecil ini. Telah diketahui bahawa sektor pendidikan merupakan satu elemen yang dapat merangsang pembangunan kawasan sekitar.

Tambahan pula, menurut MPBP (2004), kawasan kajian akan dibangunkan sepenuhnya menjelang tahun 2020 yang mana Pekan Parit Raja akan dinaiktaraf menjadi Pusat Separa Wilayah Negeri berdasarkan senario semasa dan prospek masa hadapan. Ini menjelaskan bahawa keadaan lesu masa lalu telah hilang hasil transformasi pembangunan yang berlaku. Perubahan masa dengan peningkatan ekonomi Parit Raja pada masa kini menyebabkan bilangan penduduk yang masih aktif dengan aktiviti pertanian semakin merosot. Malahan, kemasukan penduduk beramai-ramai hasil perkembangan pembangunan yang positif telah memusatkan pertumbuhan ekonomi di Pekan Parit Raja.

#### TRANSFORMASI, PEMBANGUNAN PEKAN PARIT RAJA DAN KESANNYA KE ATAS PENDUDUK DAN PERSEKITARAN

##### Pemerebakan Kawasan Luar Bandar

Pekan Parit Raja menyaksikan pembangunan ekonomi dan perubahan pada kadar perlahan pada peringkat permulaannya. Keadaan ini agak mudah difahami kerana kedudukannya yang jauh dari bandar besar. Didapati, perubahan ruang ekonomi yang berlaku di kawasan ini sangat ketara. Pemerebakan Pekan Parit Raja amat berkait rapat dengan kewujudan institusi pengajian tinggi dan pembangunan industri yang menyokong pembangunan ekonomi pekan kecil ini. Pembinaan kawasan perumahan hasil peningkatan bilangan penduduk akibat proses migrasi dilihat mempercepatkan lagi pemerebakan kawasan Parit Raja (Katiman Rostam 2001).

Selain itu juga, kedudukan Parit Raja hanya 15 hingga 20 minit perjalanan berkendaraan keluar masuk Lebuh Raya Utara-Selatan. Faktor ini menjadi penyumbang kepada pembangunan pesat kemajuan yang berlaku di persekitaran Parit Raja ditambah dengan kenaikan taraf jalan utama kepada dua laluan empat lorong yang mana pada ketika dahulunya jalan di pekan kecil ini hanya menggunakan tanah merah (Nurasyikin Miskam 2013). Perubahan guna tanah daripada pertanian kepada bangunan yang menempatkan pelbagai aktiviti ekonomi dapat diperhatikan di sepanjang jalan termasuk dari Batu Pahat ke Ayer Itam. Dalam lingkungan beberapa tahun ini, projek pembinaan seperti bangunan komersial dan taman perumahan serta institusi pendidikan telah mengalami pertumbuhan yang agak drastik. Jadual 1 menunjukkan had pembangunan Parit Raja dari tahun 1998 sehingga 2003.

Jadual 1. Had pembangunan Parit Raja dari tahun 1998 sehingga 2003

Blok Perancangan	Keluasan (hektar) tahun 1998 - 2000	Keluasan (hektar) tahun 2001 – 2003	Peratus (%) Peningkatan
Penggaram	3547.4	5661.36	0.60
<b>Parit Raja</b>	<b>557.0</b>	<b>1957.75</b>	<b>2.51</b>
Rengit	272.8	647.00	1.37
Senggarang	112.2	171.71	0.53
Semerah	160.3	168.95	0.05
Tongkang Pechah	409.9	662.69	0.62

Sumber: Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Yong Peng & Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Daerah Batu Pahat 2004

Jika dilihat secara keseluruhan, pemerebakan bandar yang berlaku adalah turut dipacu oleh faktor-faktor ketersampaian penduduk dari satu tempat ke tempat yang lain terutamanya untuk ke tempat bekerja. Faktor ketersampaian ini banyak dipengaruhi oleh pemilikan kendaraan persendirian yang digunakan untuk berulang-alik ke tempat kerja selain untuk tujuan harian. Secara tidak langsung, perkembangan pembangunan sosioekonomi yang positif di Pekan Parit Raja menyumbang kepada taburan penduduk di pekan Parit Raja dengan unjuran populasi sebanyak 3,024 orang penduduk pada tahun 2000 (Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Yong Peng & Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Daerah Batu Pahat 2004).

Merujuk Jadual 2, bagi tempoh 10 tahun unjuran penduduk semakin meningkat menjadi 11,512 orang penduduk. Manakala peningkatan unjuran penduduk antara tahun 2010 hingga 2020 dijangka adalah sekitar 20,000 orang penduduk dengan peningkatan sebanyak 9.9%. Kadar urbanisasi di Pekan Parit

Raja ini pastinya menunjukkan peningkatan. Keadaan ini membuktikan Parit Raja telah mengalami perubahan hierarki pusat petempatan iaitu dari Pusat Petempatan Kecil pada tahun 1987 dan 1998 dan dijangka akan beralih kepada Pusat Separa Wilayah Negeri menjelang tahun 2020 dengan jumlah unjuran penduduk yang dijangka berlaku.

Jadual 2. Unjuran penduduk Parit Raja tahun 2000-2020

Kawasan	Penduduk sebenar		Unjuran			Peratus (%) peningkatan	
	1991	2000	2005	2010	2015		
Penggaram	5,329	79,421	88,382	97,344	106,305	115,266	1.88
Yong Peng	6,745	5,023	9,610	14,196	18,783	23,370	7.80
Parit Raja	2,561	3,024	7,268	11,512	15,756	20,000	9.90
Ayer Itam	3,149	4,210	6,121	2,571	9,943	11,854	5.31

Sumber: Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Yong Peng & Pihak Berkuaasa Perancang Tempatan Daerah Batu Pahat 2004

### Latar Belakang Isi Rumah

Daripada keseluruhan isi rumah yang dikaji iaitu 367 orang, majoriti responden yang terlibat terdiri daripada bangsa Melayu sebanyak 96.5 %, bangsa Cina sebanyak 2.7 % dan bangsa lain-lain adalah sebanyak 3.0 %. Majoriti isi rumah terdiri daripada bangsa Melayu disebabkan orang Melayu merupakan golongan yang paling ramai menetap di pekan ini.

Melihat kepada status pekerjaan, kebanyakan isi rumah yang menjawab borang soal selidik adalah golongan yang bekerja dalam kategori lain-lain iaitu sebanyak 33.5 %. Kebanyakan mereka bekerja sebagai pengawal keselamatan, pemandu, pencuci bangunan, pembantu kedai, pengasuh kanak-kanak dan bekerja di sektor swasta. Responden yang tergolong dalam kategori lain-lain ini kebanyakan adalah bekerja di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Diikuti pula dengan kategori bekerja sendiri sebanyak 15.5 % dan bekerja kilang sebanyak 11.4 %.

Merujuk Jadual 3, majoriti isi rumah memiliki pendapatan di antara RM1001-RM2000 sebulan iaitu sebanyak 39.8%. Hasil kajian melihat, hanya 5.2 % isi rumah sahaja yang memiliki pendapatan isi rumah di bawah RM500. Secara keseluruhannya, pendapatan isi rumah penduduk adalah di atas pendapatan garis kemiskinan (PGK) penduduk luar bandar iaitu RM750 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2011).

Jadual 3. Taburan pendapatan isi rumah responden

Kumpulan pendapatan	Bilangan responden	Peratus (%)
<b>Kumpulan pendapatan terendah</b>	<b>240</b>	<b>65.4</b>
<RM500*	19	5.2
RM501-RM1000	75	20.4
RM1001-RM2000	146	39.8
<b>Kumpulan pendapatan pertengahan</b>	<b>104</b>	<b>28.3</b>
RM2001-RM3000	64	17.4
RM3001-RM4000	40	10.9
<b>Kumpulan pendapatan tertinggi</b>	<b>23</b>	<b>6.3</b>
RM4001-RM6000	16	4.4
RM6001-RM8000	6	1.6
>RM8001	1	0.3
<b>Jumlah</b>	<b>367</b>	<b>100.0</b>

Nota: Tanda (\*) merujuk kepada pendapatan yang berada di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK)

Perubahan yang berlaku dalam beberapa aspek sosioekonomi penduduk seperti pekerjaan, taraf hidup, gaya hidup dan budaya masyarakat secara tidak langsung dicetuskan oleh perubahan tingkat pendapatan. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan peluang kerja yang semakin meningkat. Kajian turut membuat penilaian terhadap jumlah pendapatan semasa isi rumah berbanding tempoh 20 tahun yang lalu. Penelitian ini mendapat terdapat sebahagian kecil isi rumah mengalami sedikit kemerosotan pendapatan iaitu sebanyak 3.0% berbanding 20 tahun dahulu. Kajian mendapat isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah PGK ini adalah terdiri daripada golongan pesara, ibu dan bapa tunggal, iaitu mereka yang hanya mempunyai satu sumber pendapatan sahaja. Keseluruhan mendapat kedudukan ekonomi penduduk di Pekan Parit Raja adalah bertambah baik berbanding tahun-tahun yang lalu. Hasil analisis mendapat majoriti responden iaitu sebanyak 53.8% isi rumah berjaya meningkatkan pendapatan mereka hampir sekali ganda berbanding 20 tahun dahulu.

### Ciri Kediaman dan Kemudahan Asas

Rumah dan persekitaran yang berkualiti adalah keperluan asas dan iaanya mempengaruhi kesejahteraan hidup penghuninya. Tanpa rumah kediaman yang dimiliki sendiri seseorang akan merasakan kehidupan tidak lengkap dan kurang jaminan masa depan. Merujuk kepada taraf pemilikan rumah, majoriti isi rumah (80.9%) mendiami rumah kediaman mereka sendiri. Hanya sebilangan kecil sahaja yang berstatus bujang dan menumpang. Ini membuktikan penduduk yang mendiami rumah berstatus pemilik, merupakan penduduk asal Pekan Parit Raja di mana setiap tapak rumah adalah kepunyaan sendiri. Keadaan ini membuktikan penduduk Pekan Parit Raja semakin

berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri. Dengan kemampuan ini dapat mengurangkan bebanan kewangan isi rumah kerana kadar bagi sewa rumah yang semakin tinggi. Bagi status menyewa, kebanyakannya daripada responden adalah migran yang datang dari luar untuk bekerja di Pekan Parit Raja.

Bagi setiap jenis kediaman yang dianalisis, bilangan bilik tidur bagi setiap kediaman isi rumah yang paling banyak adalah tiga buah bilik tidur iaitu 59.4%, diikuti dengan 20.7% bagi empat bilik tidur. Manakala jumlah bilik tidur paling sedikit iaitu sebuah bilik bagi setiap kediaman ialah 1.9%. Justeru, hasil kajian membuat kesimpulan bahawa bilangan bilik tidur yang ada dalam setiap kediaman bersesuaian dengan bilangan isi rumah yang ada seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Ini bertepatan dengan garis panduan rekabentuk perumahan kos rendah yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan rumah kos rendah perlu mempunyai minimum sebanyak tiga buah bilik tidur. Keadaan ini membuktikan bahawa isi rumah di kawasan kajian berada dalam keadaan selesa dan mempunyai ruang persendirian masing-masing. Penyediaan bilik tidur bersesuaian dengan bilangan bilik tidur disifatkan penduduk setempat mempunyai kesejahteraan hidup yang bertambah baik.

Jadual 4. Perkaitan bilangan ahli keluarga dengan bilangan bilik tidur bagi sesebuah kediaman responden

Bilangan ahli keluarga (orang)	Bilangan bilik tidur				
	1	2	3	4	>5
1	0	1	2	1	2
2	1	6	29	20	6
4	0	15	76	22	2
6	3	19	83*	25	7
>8	3	5	28	8	3

Nota: Tanda (\*) merujuk kepada jumlah bilangan bilik tidur terbanyak dan bersesuaian dengan saiz isi rumah

### Pemilikan Harta dan Peralatan Rumah

Perkembangan ekonomi yang baik di sesebuah kawasan biasanya akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan penduduknya. Keadaan ini turut menyumbang kepada kadar pemilikan harta dan kenderaan bermotor yang boleh dijadikan indikator kepada kesejahteraan hidup penduduk. Isi rumah yang mempunyai status sosioekonomi yang tinggi lazimnya juga cenderung memiliki lebih banyak barang kelengkapan rumah tangga.

Jadual 5. Peratusan perubahan kemampuan pemilikan harta dan kenderaan di kalangan responden

	Jenis pemilikan	Tahun		
		1990-1999 (%)	2000-2009 (%)	>2010 (%)
Harta	<b>Rumah</b>	<b>63.5</b>	<b>81.9</b>	<b>86.8</b>
	Tanah pertanian	14.1	17.8	18.8
	Rumah untuk disewa	1.0	3.0	5.3
	Restoran/kedai makan	2.3	3.6	0.00
	Lot kedai	0.3	1.3	0.00
	<b>Saham</b>	<b>8.6</b>	<b>22.4</b>	<b>27.0</b>
	<b>Simpanan</b>	<b>18.4</b>	<b>36.5</b>	<b>44.1</b>
Kenderaan	<b>Kereta</b>	<b>48.0</b>	<b>89.5</b>	<b>98.0</b>
	<b>Motosikal</b>	<b>64.5</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>
	Basikal	24.3	39.5	44.4
	Van	1.0	0.00	0.00
	Bot	0.00	0.00	0.3

Nota: N=304

Nota: Angka yang ditebalkan adalah antara jenis peningkatan pemilikan harta dan kenderaan tertinggi di kalangan responden

Jadual 5 menunjukkan perbandingan yang dilakukan dalam tempoh 20 tahun dari segi pemilikan harta dan kenderaan dalam kalangan responden adalah meningkat. Dari segi pemilikan rumah, didapati berlaku peningkatan melebihi 20.0%. Selain itu juga, peratus pemilikan rumah untuk disewa turut meningkat. Dari segi simpanan wang pula, bukan semua responden mampu untuk menabung. Namun, peratusan responden yang mempunyai simpanan bertambah jika dibandingkan 20 tahun dahulu walaupun kuasa membeli penduduk semakin tinggi kini.

Dari segi pemilikan peralatan pengangkutan pula, kajian ini menunjukkan bahawa berlaku peningkatan berbanding sekitar 20 tahun dahulu. Misalnya, pemilikan yang meningkat lebih dari sekali ganda apabila memasuki tahun sekitar 2000-2009 iaitu dari 48.0% kepada 89.5%. Pemilikan motosikal turut meningkat dengan sangat ketara apabila pemilikan mencapai 100.0% pada sekitar tahun 2000-2009 dan sehingga kini pemilikan semakin bertambah dan terdapat responden memiliki lebih dari dua buah motosikal. Kajian ini telah membuktikan bahawa tingkat mampu milik responden ke atas kenderaan adalah tinggi dan ini menyumbang kepada aras ketersampaian yang tinggi penduduk terhadap kemudahan sosial dengan adanya mod pergerakan yang baik.

Ekoran dari kemampuan penduduk yang lebih tinggi hasil daripada perubahan pendapatan yang juga tinggi, maka menyebabkan pemilikan terhadap barang dan peralatan rumah turut juga meningkat. Kajian menunjukkan beberapa peningkatan dan pembaharuan terhadap peralatan rumah yang sebelum ini dianggap barang mewah kini telah ada

di kebanyakan rumah yang dianggap sebagai barang keperluan (Jadual 6).

Jadual 6. Peratusan perubahan kemampuan pemilikan peralatan rumah di kalangan responden

Jenis peralatan	Tahun		
	1990-1999 (%)	2000-2009 (%)	>2010 (%)
Televisyen	83.1	96.7	97.8
Komputer	11.4	50.7	58.9
Telefon	33.8	55.6	56.4
Telefon bimbit	15.0	81.7	88.3
Melanggan internet	0.3	25.9	38.4
Kad kredit	2.2	10.9	13.6
Insuran nyawa/kesihatan	4.9	30.8	33.0
Melanggan ASTRO	12.0	58.6	68.1
Video	40.6	66.8	68.7
Peti sejuk	79.3	91.0	92.3
Ketuhar ( <i>microwave</i> )	15.8	27.8	31.3
Mesin basuh	83.1	95.1	95.9
Dapur gas	83.1	92.1	92.9
Penghawa dingin ( <i>aircond</i> )	2.7	10.6	13.9
Vakum	23.2	51.2	53.7

Kajian mendapati hanya 15.0% sahaja isi rumah mampu untuk memiliki telefon bimbit pada sekitar tahun 1990–1999. Namun demikian, peningkatan mendadak telah berlaku pada sekitar tahun 2000–2009 apabila mencapai sehingga 81.7%. Begitu juga dengan pemilikan komputer, peningkatan telah berlaku hampir lima kali ganda pada sekitar tahun 2000–2009. Dengan adanya komputer, penggunaan kemudahan internet turut sama meningkat apabila memasuki tahun 2000–2009 iaitu dengan 25.9% berbanding hanya 0.3% pada sekitar tahun 1990–1999. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa penduduk dapat menikmati gaya hidup yang lebih moden dan taraf hidup semakin meningkat. Kerja rumah juga dapat dilakukan dengan lebih cekap sekaligus meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan hidup penduduk.

## Ketersampaian kepada Kemudahan dan Perkhidmatan

Aras ketersampaian penduduk kepada kemudahan boleh dijadikan sebagai penunjuk kesejahteraan hidup penduduk. Oleh yang demikian, kajian ini melihat bahawa jika seseorang penduduk mempunyai jarak ketersampaian kurang dari 1.0 kilometer antara rumah dengan kemudahan sosial, ianya dianggap mempunyai kualiti hidup yang baik, berbanding dengan penduduk yang mempunyai jarak ketersampaian yang melebihi 1.0 kilometer antara rumah dengan kemudahan sosial disifatkan tidak mempunyai kualiti hidup yang baik. Jadual 7,

menunjukkan ketersampaian penduduk dengan kemudahan sosial rata-ratanya adalah baik. Penilaian yang dilakukan terhadap 13 jenis kemudahan menunjukkan penduduk mempunyai kadar yang tinggi untuk berinteraksi dengan kemudahan sosial yang disediakan di mana jarak (km) kunjungan isi rumah dengan kemudahan secara umumnya dapat dikunjungi dengan mudah.

Jadual 7. Jarak antara kediaman responden dengan kemudahan di Pekan Parit Raja

Jenis kemudahan	Jarak (kilometer)								Jumlah
	< 0.1km	0.1- 0.2km	0.2- 0.5km	0.5- 1.0km	1.0- 3.0km	3.0- 6.0km	6.0- 9.0km	> 9.0km	
Sekolah rendah*	<b>20.4</b>	<b>15.8</b>	<b>18.3</b>	<b>19.9</b>	20.7	3.8	1.1	0	100.0
Sekolah menengah*	<b>9.8</b>	<b>12.5</b>	<b>15.0</b>	<b>21.3</b>	25.3	12.0	3.8	0.5	100.0
Sekolah agama*	<b>19.3</b>	<b>19.9</b>	<b>21.8</b>	<b>18.5</b>	15.0	3.5	1.4	0.5	100.0
Pejabat pos*	<b>9.8</b>	<b>14.7</b>	<b>11.7</b>	<b>19.3</b>	28.1	12.0	3.5	0.8	100.0
Bank*	<b>7.6</b>	<b>14.7</b>	<b>13.4</b>	<b>20.4</b>	28.3	11.4	3.3	0.8	100.0
Balai polis*	<b>8.7</b>	<b>15.0</b>	<b>12.0</b>	<b>19.9</b>	28.3	12.3	3.0	0.8	100.0
Tempat ibadat/masjid	<b>32.4</b>	<b>25.6</b>	<b>19.6</b>	<b>11.7</b>	8.4	1.1	0.3	0.8	100.0
Pusat kesihatan/klinik*	<b>11.4</b>	<b>13.9</b>	<b>13.6</b>	<b>19.3</b>	27.8	10.9	2.2	0.8	100.0
Padang permainan	<b>26.4</b>	<b>14.4</b>	<b>9.3</b>	<b>12.5</b>	12.0	7.9	3.3	14.2	100.0
Taman rekreasi	<b>7.9</b>	<b>3.5</b>	<b>1.9</b>	<b>4.1</b>	4.4	1.1	1.4	75.7	100.0
Pasar/pasar mini*	<b>12.0</b>	<b>24.5</b>	<b>14.4</b>	<b>23.7</b>	15.8	6.5	1.4	1.6	100.0
Kedai runcit*	<b>47.1</b>	<b>22.6</b>	<b>18.0</b>	<b>9.5</b>	2.2	0.5	0.0	0.0	100.0
Perpustakaan	<b>4.6</b>	<b>4.4</b>	<b>1.9</b>	<b>1.9</b>	4.1	3.3	1.9	77.9	100.0

Nota: Tanda (\*) merujuk kepada aras ketersampaian tertinggi antara kediaman dengan kemudahan sosial.

Angka yang ditebal merujuk kepada jarak ketersampaian di 1.0 kilometer antara rumah dengan kemudahan sosial.

Hasil kajian menunjukkan, majoriti responden iaitu melebihi 70.0% isi rumah dapat mengunjungi dengan mudah semua kemudahan pendidikan, kemudahan perkhidmatan, kemudahan tempat beribadat, kemudahan kesihatan dan kemudahan tempat berbelanja dengan jarak tidak melebihi 1.0 kilometer. Walau bagaimanapun, kemudahan rekreasi dan kemudahan perpustakaan awam menunjukkan sebaliknya apabila seramai 87.2% isi rumah mempunyai aras ketersampaian yang rendah terhadap kemudahan tersebut dengan jarak melebihi 1.0 kilometer. Realitinya kemudahan tersebut di Pekan Parit Raja adalah terlalu minimum. Bahkan kemudahan seperti perpustakaan tidak disediakan.

## Hubungan Kejiran dan Tahap Keselamatan

Bagi masyarakat Islam, jiran memainkan peranan penting dalam melahirkan suasana harmoni di kawasan petempatan. Terdapat pandangan mengenai hubungan songsang antara pembandaran di sesebuah kawasan dengan kemerosotan tahap keselamatan dan hubungan kejiran. Semakin tinggi tahap pembandaran lazimnya semakin tidak selamat, juga semakin longgar hubungan kejiran di tempat

berkenaan. Dalam analisis ini, hubungan kejiranan dalam kajian ini dirujukkan kepada interaksi sosial seperti ziarah, bertegur sapa, tolong-menolong, berekreasi dan santai sesama ahli dalam kawasan petempatan sama ada secara formal atau tidak formal.

Jadual 8. Persepsi responden terhadap keselamatan dan hubungan kejiranan

Keadaan kejiranan	Persepsi responden (%)		Jumlah (%)
	Ya	Tidak	
Berjalan-jalan di kawasan ini pada waktu malam masih selamat	65.4	34.6	100.0
Hubungan dengan jiran-jiran sangat rapat	84.7	15.3	100.0
Penduduk saling bekerjasama	81.5	18.5	100.0
Penduduk saling mengamalkan sikap gotong royong.	81.7	18.3	100.0
Penduduk di kawasan perumahan saling berinteraksi	86.9	13.1	100.0
Majlis perjumpaan sesama penduduk sering dilakukan	70.8	28.9	100.0

Merujuk kepada Jadual 8, di sebalik proses pembandaran dan pembangunan yang pesat, majoriti responden berpandangan bahawa tahap keselamatan masih dalam keadaan baik di Pekan Parit Raja. Ini dapat dilihat apabila 65.4% responden menganggap bahawa berjalan-jalan di kawasan kajian pada waktu malam masih selamat. Dari segi hubungan kejiranan pula, analisis menunjukkan hubungan mereka masih baik dan rapat, saling bekerjasama, bertegur sapa dan majlis perjumpaan masih lagi diadakan. Hanya sebanyak 15.0% responden sahaja yang beranggapan hubungan tidak rapat dan sebanyak 13.1% responden saling tidak berinteraksi. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan walaupun pembangunan ekonomi pesat berjalan di kawasan kajian, namun hubungan kejiranan masih utuh dan diamalkan dengan baik dalam kalangan penduduk.

Impak sosial pembangunan terhadap masyarakat setempat juga dapat diukur berdasarkan penunjuk keselamatan. Masyarakat menjadi tidak selamat sekiranya insiden jenayah berleluasa dan tidak terkawal. Merujuk kepada Jadual 9, terdapat enam item yang dikemukakan bagi mengenalpasti persepsi isi rumah terhadap masalah sosial yang berlaku di Pekan Parit Raja.

Keputusan menunjukkan min keseluruhan bagi masalah sosial adalah sebanyak 2.147. Dengan merujuk kepada skala, ianya berada pada tahap tidak pasti. Jika dilihat pada item yang lebih terperinci, persepsi responden terhadap jenayah pecah rumah dan kecurian adalah sedikit dengan skor min sebanyak 1.921.

Jadual 9. Persepsi responden terhadap masalah sosial

Item	Skor min	Tafsiran min
Jenayah pecah rumah dan kecurian	1.921	Sedikit
Jenayah samun bermotor berlaku di kawasan ini	2.065	Sederhana
Vandalisme merupakan satu masalah di kawasan ini	2.264	Tidak pasti
Penagihan dadah merupakan satu masalah di kawasan ini	2.190	Tidak pasti
Terdapat gangguan dari pekerja asing	2.199	Tidak pasti
Pertelingkahan antara jiran	2.245	Tidak pasti
<b>Min keseluruhan</b>	<b>2.147</b>	<b>Tidak pasti</b>

Bagi jenayah samun bermotor, responden meletakkannya pada tahap yang sederhana dengan capaian min adalah 2.065. Manakala bagi masalah vandalisme, penagihan dadah, gangguan dari pekerja asing dan pertelingkahan antara jiran, responden mempunyai jawapan tidak pasti dengan skor min sebanyak 2.245. Ini menunjukkan keadaan persekitaran Parit Raja masih boleh dikawal dan kemajuan yang diterima tidak begitu menyumbang kepada masalah sosial. Walau bagaimanapun, mereka tidak menafikan bahawa wujudnya jenayah pecah rumah dan kecurian serta jenayah samun bermotor di kawasan kejiranan masing-masing pada tahap sedikit dan sederhana. Ancaman keselamatan akibat berlakunya insiden jenayah, khususnya jenayah pecah rumah dan kecurian di kawasan kediaman serta samun bermotor telah menimbulkan keresahan dan menjasaskan tahap kesejahteraan serta kualiti kejiranan di kawasan tersebut.

## Perubahan kualiti alam sekitar

Perubahan alam sekitar mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan pembangunan fizikal. Perubahan tersebut disebabkan oleh perubahan guna tanah, penebangan pokok, pembersihan kawasan dan penimbusan kawasan berpaya. Keadaan ini turut disumbangkan dengan kewujudan kawasan perumahan, kawasan perniagaan, kawasan industri, infrastruktur dan kemudahan serta kawasan rekreasi. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberi impak negatif terhadap alam sekitar selain mempengaruhi perubahan suhu dan kelembapan udara. Kajian persepsi responden dilakukan untuk melihat pandangan mereka terhadap keadaan alam sekitar semasa akibat berlakunya peningkatan pembangunan.

Jadual 10. Persepsi responden terhadap keadaan persekitaran

Keadaan persekitaran	Skor min	Tafsiran min
Pencemaran udara semakin meningkat	2.406	Tinggi
Pencemaran air sungai/parit semakin meningkat	2.520	Tidak pasti
Pencemaran bau semakin meningkat	2.269	Sederhana
Berlaku pencemaran bunyi akibat kebisingan lalu lintas	2.182	Sedikit
Longkang sering tersumbat	2.141	Sedikit
Sering berlaku banjir disebabkan faktor pembangunan kawasan berhampiran	2.275	Sederhana
Keselesaan petempatan sebagai kawasan kediaman semakin menurun	2.253	Sederhana
Terlibat dengan kesesakan lalulintas untuk ke tempat kerja	2.311	Sederhana
<b>Min keseluruhan</b>	<b>2.319</b>	<b>Tinggi</b>

Merujuk Jadual 10, jumlah skor bagi min keseluruhan adalah bernilai 2.319 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Jika dilihat secara terperinci, responden membuat penilaian yang tinggi terhadap pencemaran udara yang semakin meningkat dengan skor min 2.406. Seterusnya, responden mempunyai persepsi tahap yang sederhana bagi pencemaran bau, sering berlaku banjir, keselesaan petempatan makin menurun. Manakala, masalah pencemaran bunyi dan longkang sering tersumbat pula berada pada tahap yang sedikit. Analisis ini membuktikan bahawa dalam membawa perubahan kemajuan kepada masyarakat telah memberi impak kepada alam sekitar seterusnya mampu merosotkan kesejahteraan hidup masyarakat setempat.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapat dikenalpasti hasil perubahan pusat petempatan bagi Pekan Parit Raja adalah disebabkan berlakunya perubahan terhadap ruang ekonomi pekan kecil ini dan peningkatan fungsi yang ditawarkan. Antara faktor utama yang menyebabkan perubahan ini adalah wujudnya sektor pendidikan di samping sektor perindustrian, perniagaan dan perkhidmatan yang menjadi penyumbang utama kepada transformasi.

Keadaan ini turut dibuktikan melalui hasil kajian di lapangan yang menunjukkan bahawa majoriti responden berpandangan sektor pendidikan dengan kewujudan UTHM telah menjadi faktor utama kepada pembangunan di Pekan Parit Raja dengan 70.6% responden. Walaupun sektor perindustrian telah lama bertapak di pekan ini, namun melihat kepada keadaan semasa, hanya 17.2 peratus responden sahaja yang memberi pandangan bahawa sektor perindustrian menjadi faktor utama kepada pembangunan di Pekan Parit Raja. Keadaan ini melihat bahawa, perlu ada faktor pemangkin yang membawa perubahan kepada kemajuan bagi satu-

satu kawasan. Menurut Katiman Rostam et al., (2006), bagi transformasi di Koridor Kemaman-Dungun, Terengganu, sektor perindustrian yang membuka laluan dan membentuk jaluran pembangunan di kawasan tersebut. Bagitu juga halnya yang berlaku di Lembangan Langat (Abdul Samad Hadi et al. 2006), Bandar Kuantan (Nursyikin Miskam 2013) dan Wilayah Nusajaya (Nursyikin Miskam 2013) yang masing-masing mempunyai pemacu pembangunan ekonomi tersendiri untuk memberi kemajuan kepada kawasan tersebut.

Namun demikian, seringkali terdengar sekiranya berlaku pembangunan ekonomi, impaknya terhadap masalah sosial turut meningkat. Walaupun hasil kajian menunjukkan responden tidak pasti dengan kewujudan masalah sosial di pekan kecil ini, namun secara kasarnya jenayah samun bermotor di kawasan ini berada di tahap sederhana dan sedikit bagi jenayah pecah rumah. Insiden jenayah ini turut dilihat berlaku di Lembah Klang-Langat di mana proses pembandaran yang berlaku turut menyumbang kepada peningkatan gejala sosial merangkumi kecurian kereta, jenayah pecah rumah dan rompakan (Nursyikin Miskam 2013). Hal ini pastinya menjelaskan tahap kesejahteraan hasil dari keadaan persekitaran yang kurang memuaskan. Namun demikian, berbeza keadaannya di Bandar Baru Nusajaya yang mana masalah keselamatan belum lagi menjadi ancaman kepada kehidupan penduduknya walaupun telah mengalami transformasi ekonomi yang menggalakkan. Malahan tahap keselamatan lebih baik berbanding lima tahun yang lepas (Nursyikin Miskam 2013).

Di sebalik proses transformasi impak dari tekanan pembangunan yang pesat, majoriti responden berpandangan hubungan kejiranan masih rapat dan mengamalkan aktiviti bergotong-royong meskipun wujud golongan migrasi dan golongan yang berpendidikan tinggi. Keadaan ini mungkin turut disumbangkan berikutnya pola petempatan penduduk di Pekan Parit Raja yang terletak dalam kampung-kampung rangkaian yang kecil. Di Pekan Parit Raja, setiap parit masing-masing adalah mewakili kampung rangkaian. Kedudukan rumah-rumah dalam setiap kampung rangkaian ini adalah rapat dan terdapat juga taman perumahan dalam kampung rangkaian ini yang menyebabkan hubungan kejiranan adalah baik dan saling berinteraksi dan pastinya melahirkan masyarakat sejahtera.

Bagi persekitaran fizikal pula yang merujuk kepada alam sekitar, secara keseluruhan telah berlaku kemerosotan dengan kesan yang ketara bagi

kualiti udara di Pekan Parit Raja mengikut persepsi responden. Di Koridor Kemaman-Dungun, Terengganu, perubahan alam sekitar turut dilihat berlaku dari segi penurunan kadar kelembapan dan berlaku peningkatan suhu persekitaran selain daripada penurunan kualiti air dan pemusnahan kawasan sensitif alam sekitar hasil transformasi yang telah berlau. Malahan, menerusi kajian Nursyikin Miskam (2013), keadaan ini turut berlaku di Kuantan, Pahang apabila hasil kepesatan pembangunan di bandar utama ini memberi ancaman kepada kualiti hidup penduduk setempat akibat peningkatan masalah pencemaran. Apa yang dilihat adalah, perubahan kegiatan ekonomi secara tidak langsung telah mengubah lanskap semula jadi sesuatu kawasan dan mewujudkan ancaman hasil daripada pembangunan.

Daripada kajian yang dijalankan ini menunjukkan Pekan Parit Raja telah menongkah arus kemajuan dan pembangunan yang mana dahulunya mundur dengan asas ekonominya dalam sektor pertanian. Arus pembangunan yang pesat melanda kawasan ini terus merubah wajah baru pekan ini. Kawasan-kawasan paya yang luas dan pokok kelapa sawit yang menghijau suatu masa dulu kini bertukar wajah menjadi kawasan perumahan dan pusat perniagaan yang mengalami transformasi pembangunan ekonomi yang pesat. Perubahan guna tanah berlaku di kawasan ini akibat permintaan untuk kegiatan ekonomi dan perkhidmatan yang sangat menggalakkan. Perubahan ekonomi telah banyak mengubah fungsi bagi pekan kecil ini menjadi lebih moden.

Perubahan sosioekonomi penduduk di Pekan Parit Raja dapat diketahui telah meningkat yang merangkumi pendapatan, struktur pekerjaan, taraf dan gaya hidup, dan budaya masyarakat setempat. Dengan asas ekonominya adalah sektor pertanian, kini telah berubah kepada sektor pendidikan dan perindustrian yang menyumbang kepada lanskap fizikal yang positif. Transformasi yang berlaku sememangnya memberi impak langsung kepada masyarakat setempat. Perubahan ruang ekonomi telah menyebabkan perubahan ekonomi di pekan ini dengan penawaran peluang pekerjaan. Malahan, impak sosioekonomi seperti yang dilihat dari segi peningkatan pendapatan serta pemilikan harta dan kenderaan memang tidak dapat dipertikaikan lagi. Selain itu juga, dapat dilihat apabila kemampuan penduduk untuk memiliki peralatan rumah moden yang dahulunya tidak pernah ada di rumah mereka kini dianggap barang keperluan.

Walau bagaimanapun, dalam meniti kemajuan di pekan kecil ini, terdapat beberapa impak dari transformasi pembangunan yang perlu diambil kira. Penurunan kualiti alam sekitar dapat dilihat dari segi kualiti udara dan air sungai. Perubahan guna tanah untuk memenuhi tuntutan pembangunan secara tidak langsung turut menyumbang kepada berlakunya bencana alam. Walaupun pencemaran udara dan air di Pekan Parit Raja masih boleh dikawal, namun sekiranya perkara ini berterusan tanpa sebarang pemantauan dilakukan, tidak mustahil kualiti alam sekitar di pekan kecil ini semakin merosot dan keupayaan Pekan Parit Raja menerima pembangunan akan dilihat memberi kesan yang negatif.

## DEDIKASI

*Penulis dedikasikan penghargaan terima kasih kepada UTHM yang telah membayai projek penyelidikan ini di bawah grant Vot C005 2010-2012 dan kepada Naib Canselor UTHM yang telah memberi pandangan dan nasihat bagi memantapkan lagi penyelidikan ini.*

## RUJUKAN

- Abdul Samad Hadi, Abdul Hadi Harman Shah, Ahmad Fariz Mohamed & Shaharudin Idrus. 2006. *Perubahan Persekutaran dan Kemudahaercaman Lembangan Langat*. Bangi: Penerbit UKM.
- Azahan Awang, Abdul Hadi Harman Shah & Kadaruddin Aiyub. 2008. Penilaian makna kualiti hidup dan aplikasinya dalam bidang pengurusan persekitaran di Malaysia. *Akademika* 72(1), ms. 45-68. Dicapai pada Oktober 22, 2010 dari <http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA72/akademika72%5B03%5D.pdf>
- Boudeville, J. R. 1966. *Problems of Regional Economic Planning*. London: Edinburgh University Press.
- Buller, H. & Wright, S. 1990. *Rural Development: Problems and Practices*. Hants, England: Avebury.
- Darwent, D. 1969. Growth poles and growth centers in regional planning—a review. *Environment and Planning* (1): 5-32.
- Fatimah Daud. 2005. *Transformasi Sosial: Evolusi atau Revolusi*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Huang Ping & Zhan Shaohua. 2009. Migrants Worker's Remittance and Rural Development in China. Dicapai pada Jun 1, 2011 dari <http://essays.ssrc.org/acrossborders/wpcontent/uploads/2009/08/ch10.pdf>
- Jabatan Pertanian Johor. 1988. Laporan Dasar Pertanian Negeri Johor.
- Katiman Rostam. 2001. *Dasar Strategi Petempatan dalam Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Katiman Rostam, Asmah Ahmad, Sulong Mohamad, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Azlan Abdullah. 2006. *Transformasi*

- Desa Bandar: Koridor Kemaman–Dungun, Terengganu.*  
Bangi: Penerbit UKM.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.  
2011. Definisi Miskin Tegar. Dicapai pada Disember 27, 2011 dari <http://www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi>
- Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Yong Peng & Pihak Berkuaasa Perancang Tempatan Daerah Batu Pahat. 2004. Draf Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat 2002–2020. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia & Kerajaan Tempatan.
- Midgley, J. 1995. *Social development: The Developmental Perspective in Social Welfare*. London: SAGE Publications Ltd.
- Mohamed Zaini Omar. 2010. *Pembasmian Kemiskinan di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nurasyikin Miskam. 2013. Transformasi Pekan Parit Raja: Kajian Terhadap Kesejahteraan Hidup Masyarakat. Tesis sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Segupta, R., Dipankor, C. & Bhisma, R. 2007. Impact of a Highway on the Socio-economic Well-being of Rural Households Living in Proximity. Dicapai pada November 22, 2011 dari [journal.ciiss.net/index.php/ciiss/article/download/47/41](http://journal.ciiss.net/index.php/ciiss/article/download/47/41)
- Richardson, H. W. 1973. *Regional Growth Theory*. London: MacMillan.
- Rondinelli, D. & Ruddle, K. 1978. *Urbanization and Rural Development: A Spatial Policy for Equitable Growth*. New York: Praeger.
- Yahaya Ibrahim. 2002. Proses industrialisasi luar bandar: Impak terhadap komuniti di Tanah Rancangan Felda. Dlm. Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jemin, Mohd Yusof Hussain & Faridatul Azna A. Shahabuddin. *Impak Pembangunan: Kualiti Hidup dan Persekitaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yahaya Ibrahim. 2009. *Komuniti Pembangunan dan Transformasi*. Bangi: Penerbit UKM.

Haryati Shafii, Ph.D.  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Pengurusan Pembinaan  
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Parit Raja, Johor, MALAYSIA.  
E-mail: haryati@uthm.edu.my

Nurasyikin Miskam  
Pelajar Ijazah Doktor Falsafah  
Dalam bidang Pengurusan Harta Tanah dan Fasiliti  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Parit Raja, Johor, MALAYSIA.  
E-mail: gp100033@siswa.uthm.edu2

